

Headline	Bantuan bah agensi kerajaan pusat terbaik		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	23 Jan 2013	Language	Malay
Circulation	192,982	Readership	1,521,000
Section	Sentral	Color	Full Color
Page No	N6	ArticleSize	443 cm ²
AdValue	RM 14,998	PR Value	RM 44,994



Bantuan bah agensi kerajaan pusat terbaik

» Mangsa banjir di Kelantan tak hadapi masalah di pusat pemindahan

► Kota Bharu

"Saya dan keluarga bersyukur kerana sempat menyelamatkan diri daripada ancaman banjir dengan tinggal di pusat pemindahan ini.

"Saya juga bangga dan berterima kasih kerana mendapat bantuan yang disediakan di sini. Semuanya mencukupi bagi kami mangsa banjir yang dipindahkan ke pusat ini," kata Shamsiah Saufi, antara hampir 7,000 penduduk Kelantan yang dipindahkan ketika banjir, bulan lalu.

Shamsiah, 41, bersama suami dan 10 anak 'berkampung' sementara di Sekolah Kebangsaan Banggu, di sini, apabila rumah mereka di Kampung Tasik ditenggelami air hingga ke paras pinggang, yang disifatkannya terburuk setakat ini.

Kenyataan suri rumah itu bukan cakap kosong kerana setiap kali musim tengkujuh melanda antara November dan Mac, kerajaan menerusi beberapa agensinya menyalurkan bantuan terancang meliputi pemindahan mangsa banjir serta bantuan susulan, termasuk untuk membersihkan dan membaik pulih kediaman.

Selain wang ihsan RM500 kepada setiap keluarga terjejas, kerajaan menerusi Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani memperuntukkan RM2.916 juta kepada 2,192 petani di Kelantan, yang kerugian

apabila tanaman padi musnah dalam bencana banjir akhir tahun lalu.

Kurangkan keperitan

Petani, Abdul Rahman Ghani, 64, dari Alor Bakat, Bachok, berkata pelbagai bantuan daripada kerajaan dapat mengurangkan keperitan mereka.

Empat hektar daripada 6.8 hektar tanaman padi milik Abdul Rahman musnah dalam kejadian itu.

Sementara itu, Prof Adjung Universiti Utara Malaysia (UUM), Datuk Hassan Harun, berkata kerajaan memberi tindak balas yang terancang ketika menghadapi bencana seperti banjir.

"Semua jabatan dan agensi kerajaan sudah ada SOP (prosedur operasi standard) untuk mereka beri maklum balas. Tidak seorang pun di Malaysia yang lemas kerana rumah ditenggelami air tetapi mereka lemas akibat bermain air. Ini menunjukkan kerajaan bersedia dengan betul-betul," katanya yang juga tokoh usahawan.

Beliau yang tinggal di Binjai, Kubang Kerian, di sini, yang sudah

biasa dengan banjir, berkata Majlis Keselamatan Negara berjaya memastikan bantuan sampai kepada golongan sasar.

"Tidak ada orang yang keluar berdemonstrasi bantah bantuan tidak sampai. Ini bukti paling nyata kejayaan kerajaan kita berbanding negara lain yang juga ditimpa bencana alam seperti banjir dan taufan. Mereka tidak bersedia kerana infrastrukturnya tidak mampu, mereka tidak dapat bertindak sebaik kerajaan Malaysia.

Kaedah terbaik agih bantuan

"Kerajaan sentiasa mencari kaedah terbaik untuk mengagihkan aset negara ini. Kenapa kita boleh buat, sebab setiap rakyat mudah dikesan melalui sistem kad pengenalan. Ini meyakinkan rakyat bahawa kerajaan ikhlas dan mampu menunaikan janji," katanya.

Beliau berkata kerajaan juga tidak pilih kasih dalam menyalurkan bantuan, selain tiada 'orang tengah' terbabit sekali gus memastikan bantuan sampai kepada mangsa.

"Kalau ada 'orang tengah' hanya sege-lintir dan lambat-laun mereka akan dicekup Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia," katanya.

Pengarah Jabatan Kesihatan Kelantan, Datuk Dr Ahmad Razin Ahmad Maher, berkata 80 pasukan perubatan dan 73 pasukan kesihatan dengan lebih 700 pegawai dan anggota digerak untuk membantu mangsa banjir di seluruh negeri.

Angkatan Tentera Malaysia juga menghulur bantuan dengan menghantar 1,000 anggota membersihkan kawasan tumpuan awam yang dilanda banjir di Kelantan dan Terengganu, sementara Jabatan Pertahanan Awam Malaysia pula menggerakkan lebih 1,000 anggota tetap dan sukarela untuk tujuan sama. - BERNAMA.

"Tidak ada orang yang keluar berdemonstrasi bantah bantuan tidak sampai. Ini bukti paling nyata kejayaan kerajaan kita berbanding negara lain yang juga ditimpa bencana alam"
Hassan Harun, Prof Adjung UUM

Headline	Bantuan bah agensi kerajaan pusat terbaik		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	23 Jan 2013	Language	Malay
Circulation	192,982	Readership	1,521,000
Section	Sentral	Color	Full Color
Page No	N6	ArticleSize	443 cm ²
AdValue	RM 14,998	PR Value	RM 44,994

